

PERLINDUNGAN

A-Life Lady-i

Bonus Tunai
Tahunan
dengan

AIA Vitality

SEBUAH PELAN KOMPREHENSIF YANG MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAGAI SEORANG WANITA



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil takaful / produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Ahli PIDM

MELIHAT FAEDAH DENGAN LEBIH DEKAT

A-Life Lady-i direka untuk memberikan perlindungan komprehensif bagi wanita sehingga umur 80 tahun. Pelan ini bukan sahaja memberi anda faedah Takaful, ia juga dilengkapi dengan ciri-ciri pertama di pasaran yang direka khas untuk wanita.



**GIFT OF JOY
& BUNDLE OF JOY¹⁰**

Terima ganjaran apabila anak anda dapatkan perlindungan takaful dengan serta merta!

Apabila anda menyertai pelan¹ A-Life **Idaman** faedah **Gift of Joy¹⁰** akan memberi anda ganjaran tunai sebanyak **1%** daripada amaun perlindungan dan jika anda menambah A-Plus **Health Flex-i/** A-Plus **BabyCare Xtra-i** kepada A-Life **Idaman**, kami akan membayar tambahan **2%** daripada amaun perlindungan!



Kegembiraan berganda dengan **Bundle of Joy¹⁰** apabila anda menyertai A-Life **Idaman** semasa kehamilan anda di bawah 14 minggu dan nikmati perlindungan untuk bayi anda tanpa pengunderaitan medikal.



**PERLINDUNGAN
ASAS**

Membayar **100%** daripada amaun perlindungan atau nilai serahan, yang mana lebih tinggi, bagi kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK).



**PERLINDUNGAN
KOMPREHENSIF
KANSER WANITA**

Melindungi anda dari kanser wanita peringkat awal dan seterusnya:

- Karsinoma in situ wanita² - Pembayaran sekaligus dengan nilai **50%** daripada amaun perlindungan anda.



Faedah Set Semula

Faedah ini akan set semula amaun perlindungan anda kepada jumlah penuh, 12 bulan selepas anda didiagnosis dengan karsinoma in situ Wanita.

- Kanser wanita³ - Pembayaran sekaligus bernilai **100%** daripada amaun perlindungan anda atau nilai serahan, yang mana lebih tinggi.

Jika anda didiagnosis dengan kanser payudara, anda akan menerima **100%** daripada amaun perlindungan. Anda akan menerima tambahan **30%** secara automatik daripada amaun perlindungan anda untuk pembedahan rekonstruktif payudara.

Anda juga akan menerima tambahan **30%** daripada amaun perlindungan anda untuk pembuangan payudara. Secara keseluruhan, anda akan menerima pembayaran balik berjumlah **160%** daripada amaun perlindungan anda!



**FAEDAH
PENJAJAAN
WANITA**

Sekiranya mana-mana senario di bawah berlaku kepada anda, anda akan menerima pembayaran sekaligus sebanyak **RM5,000**.

1. Komplikasi perubatan yang timbul akibat pembedahan kosmetik elektif.
2. Terapi penggantian hormon untuk menopause.
3. Rawatan psikoterapi untuk gangguan keresahan atau gangguan kemurungan yang berpunca daripada peristiwa hidup yang traumatik, seperti didiagnosis dengan salah satu daripada 35 penyakit kritikal atau kematian pasangan atau anak.



**FAEDAH
KEHAMILAN**

Membayar **10%** daripada amaun perlindungan kepada anda, bagi komplikasi berkaitan kehamilan yang dilindungi.



**GANJARAN TUNAI
SEHINGGA 12%
DARIPADA AMAUN
PERLINDUNGAN**

Memberi anda **ganjaran tunai** bagi peristiwa-peristiwa berikut:

1. Perkahwinan⁴ – Bayaran **3%** daripada amaun perlindungan anda.
2. Kelahiran Anak⁴ – Bayaran **3%** daripada amaun perlindungan anda bagi setiap kelahiran.
3. Usia Emas (pada umur 55 tahun) – Bayaran sehingga **12%** daripada amaun perlindungan anda⁵.



BAYARAN MATANG

Apabila pelan anda matang ketika anda berumur 80 tahun, kami akan membayar anda **150%** daripada jumlah perlindungan untuk meraikan peristiwa penting ini di dalam hidup anda.



**BONUS TUNAI
TAHUNAN**

Apabila anda menyertai A-Life Lady-i dan mendaftar sebagai ahli AIA Vitality, anda boleh menikmati Bonus Tunai Tahunan sehingga **50%** daripada Caruman Asas Yang Dibayar⁶.

¹ Faedah ini sah untuk setiap permohonan A-Life **Idaman** yang diluluskan jika permohonan dilakukan semasa tempoh kehamilan bagi Orang Dilindungi adalah kurang daripada 35 minggu atau dalam tempoh 60 hari dari tarikh lahir anak anda dan sehingga maksimum 2 bayi bagi setiap kehamilan.

² Faedah Karsinoma in situ wanita boleh dituntut sekali sahaja. Sebaik sahaja tuntutan dibuat, kami akan mengurangkan amaun perlindungan bagi Faedah Penyakit Wanita bersamaan dengan jumlah yang dibayar kepada anda.

³ Sekiranya anda membuat tuntutan ini dalam masa 12 bulan setelah didiagnosis dengan Karsinoma in situ Wanita, kami akan membayar anda amaun perlindungan selepas menolak bayaran-bayaran untuk Faedah Karsinoma in situ Wanita.

⁴ Tidak termasuk Perkahwinan & Kelahiran yang berlaku dalam tahun pertama sivil. Hanya Perkahwinan dan/atau Kelahiran yang berlaku pada tahun kedua sivil dan seterusnya sahaja layak untuk menerima Ganjaran Tunai. Tuntutan yang pertama boleh dibuat dari tahun kedua dan seterusnya (selepas caruman penuh 2 tahun dibayar) dan hanya 1 Ganjaran Tunai boleh dibayar bagi setiap satu ulang tahun sivil.

⁵ Ditolak amaun daripada yang telah dibayar di bawah Ganjaran Perkahwinan dan Ganjaran Kelahiran Anak (jika ada).

⁶ Caruman Asas Yang Dibayar merujuk kepada amaun yang anda perlu bayar dan telah dibayar di dalam tahun sivil A-Life Lady-i, termasuk caruman tambahan yang perlu anda bayar disebabkan kadar medikal standard yang lebih tinggi. Bonus Tunai Tahunan berdasarkan caruman dari A-Life Lady-i, tidak termasuk mana-mana rider yang disertakan.

A-LIFE LADY-i SEPINTAS LALU

Pelan	1	2	3	4	5	6
Amaun Perlindungan (RM)	50,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Faedah Asas						
Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) ⁷	100% daripada amaun perlindungan atau nilai serahan, yang mana lebih tinggi					
Faedah Penyakit Wanita						
(a) Faedah Karsinoma in situ Wanita ² (i) Payudara; (ii) Serviks Uteri; (iii) Uterus; (iv) Tiub Fallopio; (v) Vulva/Faraj; atau (vi) Ovari	50% daripada amaun perlindungan Faedah Set Semula Amaun perlindungan anda di bawah Faedah Penyakit Wanita akan diset semula kepada 100%, 12 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma in situ Wanita.					
(b) Faedah Kanser Wanita ³ (i) Payudara; (ii) Serviks Uteri; (iii) Uterus; (iv) Tiub Fallopio; (v) Vulva/Faraj; atau (vi) Ovari	100% daripada amaun perlindungan atau nilai serahan, yang mana lebih tinggi					
(c) Sistemik Lupus Eritematosus dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk ²						
Faedah Penjagaan Wanita						
(a) Pembuangan organ khusus wanita seperti di bawah: (i) Payudara; (ii) Serviks Uteri; (iii) Uterus; (iv) Tiub Fallopio; (v) Vulva/Faraj; atau (vi) Ovari	30% daripada amaun perlindungan (Hanya 2 tuntutan di bawah faedah ini. Dihadkan kepada 1 tuntutan setiap peristiwa.)					
(b) Pembedahan Pembentukan semula organ khusus wanita seperti di bawah: (i) Payudara; (ii) Serviks Uteri; atau (iii) Vulva/Faraj						
(c) Retakan Osteoporotik – Pinggul atau Vertebra						
(d) Arthritis Reumatoid Teruk						
(e) Pembedahan Rekonstruktif Wajah akibat Kemalangan atau Kanser						
(f) Pemindahan Kulit akibat Kemalangan atau Kanser Kulit	Bayaran sekaligus berjumlah RM 5,000 ⁸					
(g) Komplikasi Medikal akibat Pembedahan Kosmetik Elektif						
(h) Rawatan Putus Haid						
(i) Rawatan Psikoterapi						

Pelan	1	2	3	4	5	6
Amaun Perlindungan (RM)	50,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Faedah Kehamilan ⁹						
(a) Koagulasi Intravaskular Tersebar (selepas 7 bulan kandungan)	10% daripada amaun perlindungan ⁸					
(b) Kehamilan Molar						
(c) Kehamilan Ektopik						
(d) Eklampsia (sawan)						
(e) Keguguran Lewat (dari minggu 18 hingga minggu 28 kehamilan)						
(f) Kematian Janin (minggu 28 kehamilan dan seterusnya)						
(g) Abrupsi Plasenta						
(h) Embolisme Cecair Amniotik						
(i) Akut hati berlemak semasa kehamilan (AFLP)						
(j) Placenta Increta/Percreta						
Faedah Ganjaran Tunai						
(a) Ganjaran Perkahwinan ⁴	3% daripada nilai perlindungan, sehingga 12% daripada amaun perlindungan					
(b) Ganjaran Kelahiran Anak ⁴	3% daripada nilai perlindungan, sehingga 12% daripada amaun perlindungan					
(c) Ganjaran Usia Emas ⁵ (dibayar apabila orang dilindungi berumur 55 tahun)	Sehingga 12% daripada amaun perlindungan ⁴ , ditolak amaun yang telah dibayar di bawah Ganjaran Perkahwinan dan Ganjaran Melahirkan Anak					
Gift of Joy ¹⁰						
Pemohonan A-Life Idaman dibuat semasa tempoh kehamilan bagi Orang Dilindungi adalah kurang daripada 35 minggu atau dalam tempoh 60 hari dari tarikh lahir bayi.	1% daripada amaun perlindungan untuk setiap permohonan A-Life Idaman yang diluluskan Atau 3% dari amaun perlindungan untuk setiap permohonan A-Life Idaman dengan A-Plus Health Flex-i / A-Plus BabyCare Xtra-i yang diluluskan					
Faedah Matang						
Dibayar apabila Orang Dilindungi mencapai umur 80	150% daripada amaun perlindungan					

Nota: Jumlah faedah di bawah Faedah Penjagaan Wanita, Faedah Kehamilan, Faedah Ganjaran Tunai dan Gift of Joy¹⁰ tidak akan mengurangkan amaun perlindungan anda.

⁷ Perlindungan untuk HUMK sehingga umur 65 tahun.

⁸ Faedah ini hanya untuk sekali tuntutan.

⁹ Perlindungan untuk Faedah Kehamilan sehingga umur 45 tahun.

¹⁰ Sekiranya A-Life **Idaman** dan/atau A-Plus **Health Flex-i**/ A-Plus **BabyCare Xtra-i** dihentikan untuk Gift of Joy, anda atau peserta akan menerima manfaat ini untuk setiap permohonan yang diluluskan pelan Takaful yang setara seperti yang ditentukan oleh kami. Untuk Bundle of Joy, anda mempunyai pilihan untuk menggunakan manfaat ini pada pelan Takaful yang setara seperti yang ditentukan oleh kami.

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)
(This page is intentionally left blank)

A-LIFE LADY-i DENGAN AIA VITALITY

Sertai AIA Vitality untuk menikmati Bonus Tunai Tahunan

Jika anda menyertai AIA Vitality, anda boleh menikmati bonus tunai setiap tahun sijil. AIA Vitality merupakan program kesihatan unik kami yang menyokong dan memberikan ganjaran kepada anda kerana membuat pilihan yang sihat. AIA Vitality ditawarkan oleh AIA Health Services Sdn. Bhd. (Company No. 388561-T).

Apakah itu Bonus Tunai Tahunan?

Bonus Tunai Tahunan ialah satu bonus tambahan yang diberikan kepada anda apabila anda mendaftar sebagai ahli AIA Vitality semasa menyertai A-Life Lady-i. Anda akan menerima bonus ini pada ulang tahun sijil anda setiap tahun.

Bonus Tunai Tahunan pertama berjumlah 10% daripada Caruman Asas Yang Dibayar⁶. Bonus Tunai Tahunan yang berikutnya, ia mungkin akan naik, turun atau kekal sama berdasarkan Status AIA Vitality anda, tertakluk kepada maksimum 50% daripada Caruman Asas Yang Dibayar.

Status AIA Vitality	Perubahan dalam Peratusan Bonus Tunai Tahunan
Platinum	Peratusan Bonus Tunai Tahunan (%) meningkat sebanyak 1% (+1%) daripada tahun sebelumnya
Emas	Tiada perubahan (0%) dalam Peratusan Bonus Tunai Tahunan (%) daripada tahun sebelumnya
Perak	Peratusan Bonus Tunai Tahunan (%) menurun sebanyak 2% (-2%) daripada tahun sebelumnya
Gangsa	Peratusan Bonus Tunai Tahunan (%) menurun sebanyak 4% (-4%) daripada tahun sebelumnya

Sekiranya anda lebih aktif dengan AIA Vitality, Bonus Tunai Tahunan anda akan menjadi lebih tinggi; sekiranya anda tidak aktif, anda mungkin menghadapi risiko kehilangan Bonus Tunai Tahunan ini.

Bagaimana Bonus Tunai Tahunan berfungsi?

Katakan anda telah membeli A-Life Lady-i dengan amaun perlindungan RM300,000 dan premium tahunan RM9,744.*



Terus tingkatkan Bonus Tunai Tahunan anda dengan mencapai status PLATINUM setiap tahun.




Amalan gaya hidup sihat boleh membawa kepuasan dan memberi ganjaran. AIA Vitality akan membantu anda untuk menjalani hidup yang lebih sihat, lebih lama dan lebih baik.

SELAMAT DATANG!




Anda menjadi ahli AIA Vitality.

TAHUN 1
PERAK
Bonus Tunai Tahunan
RM974.40 (10%)



Anda menerima Bonus Tunai Tahunan sebanyak 10% daripada Caruman Asas Yang Dibayar tanpa mengambil kira status AIA Vitality anda pada tahun pertama.

TAHUN 2
EMAS
Bonus Tunai Tahunan
RM974.40 (10%)



Anda kini lebih mengenali AIA Vitality dan sudah mencapai status EMAS pada hujung tahun kedua. Bonus Tunai Tahunan anda kekal pada 10% daripada Caruman Asas Yang Dibayar.



Kekalkan status EMAS untuk mengekalkan peratusan Bonus Tunai Tahunan anda, atau berusaha lebih keras untuk menaikkan peratusan ini sebanyak 1% setiap tahun di status PLATINUM.

TAHUN 5
PLATINUM
Bonus Tunai Tahunan
RM876.96 (9%)



Anda telah fokus semula kepada kesihatan anda, dan anda telah mencapai status PLATINUM. Bonus Tunai Tahunan anda meningkat 1% daripada tahun yang sebelumnya.

TAHUN 4
PERAK
Bonus Tunai Tahunan
RM779.52 (8%)



Anda tidak meluangkan banyak masa untuk kekal aktif dan anda hanya mencapai status PERAK. Bonus Tunai Tahunan anda menurun 2% dari tahun yang sebelumnya.

TAHUN 3
EMAS
Bonus Tunai Tahunan
RM974.40 (10%)



Bonus Tunai Tahunan anda tidak berubah kerana anda mengekalkan status EMAS anda.

Nota:

Sila rujuk kepada salinan ilustrasi produk atau sijil takaful untuk maklumat lanjut mengenai Bonus Tunai Tahunan. Sila rujuk kepada www.aiavitality.com.my untuk maklumat lanjut mengenai program AIA Vitality.

* Ilustrasi ini berdasarkan wanita bukan perokok berumur 30 tahun dan keahlian AIA Vitality anda aktif sepanjang tahun.

SOALAN-SOALAN LAZIM

S: Apakah maksud Takaful?

Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk membuat sumbangan berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam dana yang akan digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

S: Apakah itu A-Life Lady-i?

A-Life Lady-i ialah pelan Takaful caruman berkala patuh syariah yang melindungi anda sehingga umur 80.

Pelan ini menyediakan perlindungan menyeluruh bagi penyakit-penyakit berkaitan wanita atau peristiwa serta perlindungan asas bagi kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Semua faedah-faedah dikumpulkan di dalam 7 kategori utama:

- Faedah Asas
- Faedah Penyakit Wanita
- Faedah Penjagaan Wanita
- Faedah Kehamilan
- Faedah Ganjaran Tunai
- Gift of Joy¹⁰
- Faedah Matang

Apabila anda menyertai A-Life Lady-i, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi ahli AIA Vitality. Ahli AIA Vitality akan menerima faedah tambahan dalam bentuk Bonus Tunai Tahunan - yang merupakan peratusan Caruman Asas Yang Dibayar untuk A-Life Lady-i. Bonus Tunai Tahunan yang pertama adalah sebanyak 10% daripada Caruman Asas Yang Dibayar anda untuk A-Life Lady-i. Untuk tahun-tahun berikutnya, Bonus Tunai Tahunan akan meningkat, menurun atau tetap sama berdasarkan Status AIA Vitality anda, tertakluk kepada maksimum 50% daripada Caruman Asas Yang Dibayar.

S: Siapakah yang layak untuk menyertai A-Life Lady-i?

Pelan ini disediakan untuk wanita berumur di antara 16 dan 45 tahun.

S: Apakah tempoh perlindungan A-Life Lady-i?

Pelan ini menyediakan perlindungan sehingga umur 80.

S: Berapakah amaun perlindungan minimum A-Life Lady-i yang saya boleh sertai?

Amaun perlindungan minimum untuk A-Life Lady-i ialah RM50,000.

S: Adakah caruman saya akan meningkat bersama usia saya?

Kadar caruman ialah tetap dan berdasarkan umur semasa pelan dikeluarkan.

S: Adakah caruman A-Life Lady-i dijamin?

Caruman pelan ini tidak dijamin dan Pengendali Takaful berhak untuk menukar kadar caruman dengan memberi Peserta notis bertulis 3 bulan sebelum ulang tahun sijil yang seterusnya.

S: Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caruman yang dibayar (tidak termasuk bebanan, jika ada) akan ditolak mengikut peratusan tertentu sebagai yuran *Wakalah* dan bakinya akan diagihkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai *Tabarru'* seperti berikut:

Pelan	Tahun Sijil		1	2	3	4 - 30	31 & ke atas
A-Life Lady-i	% daripada caruman	Yuran <i>Wakalah</i>	80	45	35	30	25
		<i>Tabarru'</i>	20	55	65	70	75

S: Adakah saya layak untuk menerima lebihan?

Lebihan akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, setahun sekali oleh Pengendali Takaful. Jika ada lebihan yang wujud daripada Dana Risiko Peserta (DRP), lebihan bersih, selepas ditolak tuntutan yang dibayar, rizab berkanun dan modal kemampuan bayar seperti yang diperlukan akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan Peserta-peserta yang layak pada nisbah berikut:

	Pengendali Takaful	Peserta-Peserta
Lebihan dalam PRF	50%	50%

Lebihan akan dikongsi oleh para Peserta yang layak mengikut kadar *Tabarru'* mereka.

S: Adakah caruman yang dibayar untuk A-Life Lady-i layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya, caruman yang dibayar untuk pelan ini boleh melayakkan anda mendapat pelepasan cukai peribadi sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

S: Apakah pengecualian-pengecualian utama untuk A-Life Lady-i?

Tiada perlindungan untuk:

1. Sebarang keadaan sedia ada;
2. Tanda atau gejala sebarang keadaan/faedah yang dilindungi (termasuk tanda atau gejala yang menyebabkan pembedahan dijalankan, jika perlu) yang pertama kali berlaku dalam Tempoh Menunggu:

Tahun Sijil	Tempoh Menunggu
Faedah Penyakit Wanita	
- Karsinoma in situ Wanita - Kanser Wanita	60 hari
- Sistemik Lupus Eritematosus dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk	30 hari
Faedah Penjagaan Wanita	
- Pembuangan organ khusus wanita - Pembedahan rekonstruktif organ khusus wanita (payudara, serviks uteri, faraj atau vulva) - Retakan Osteoporotik – Pinggul atau Vertebra - Arthritis Reumatoid Teruk - Komplikasi Medikal akibat Pembedahan Kosmetik Elektif	60 hari
- Rawatan Menopause	1 tahun
Faedah Kehamilan	1 tahun (tidak termasuk wanita hamil lebih dari 14 minggu kandungan semasa sijil diluluskan)

3. Penyakit-penyakit yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk meminta Orang Dilindungi untuk menjalani ujian darah HIV sebagai syarat sebelum menerima sebarang tuntutan. Untuk tujuan pelan ini,
 - (i) Definisi AIDS adalah definisi yang digunakan oleh World Health Organization tahun 1987, atau sebarang pemindaan berikutnya oleh World Health Organization ke atas definisi tersebut;
 - (ii) Jangkitan akan ditentukan telah berlaku apabila ujian darah atau ujian berkaitan yang lain-lain menunjukkan, dalam pendapat kami, kehadiran Virus HIV atau Antibodi kepada Virus sepertinya;
4. Kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman;

5. Tanda atau gejala sebarang keadaan/faedah yang dilindungi (termasuk tanda atau gejala yang menyebabkan pembedahan dijalankan, jika perlu) yang pertama kali berlaku dalam Tempoh Menunggu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau perbezaan pendapat mengenai tanda atau gejala keadaan/faedah yang dilindungi dan manifestasinya antara Pakar Perubatan dan Orang Dilindungi/Pemilik, Kami akan menerima pakai pendapat profesional Pakar Perubatan;
6. Penyalahgunaan dadah atau alkohol secara sengaja;
7. Penamatan elektif kehamilan selain daripada atas sebab-sebab perubatan di bawah Faedah Kehamilan.
8. Sebarang kecederaan akibat Kemalangan atau Pemindahan Kulit akibat Melecur, adalah secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana satu kejadian berikut:
- Akibat membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman, kelakuan tidak senonoh di pihak Orang Dilindungi, atau apabila Orang Dilindungi sengaja mendedahkan dirinya kepada bahaya yang tidak perlu;
 - Terlibat dalam sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
 - Dialami semasa di bawah pengaruh narkotik atau alkohol;
 - Dialami semasa terlibat dalam aktiviti berburu, mendaki gunung atau perlumbaan dalam kenderaan bermotor atau motobot atau sebarang aktiviti berbahaya;
 - Akibat daripada peperangan (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), pencerobohan, tindakan musuh asing, aktiviti penganas, permusuhan atau operasi seakan perang, rusuhan dan keganasan awam, tindakan industri atau revolusi;
 - Terlibat dalam sebarang perjalanan atau menaiki penerbangan dalam sebarang jenis pesawat udara kecuali dalam penerbangan penumpang berjadual tetap atau pesawat udara komersial; atau
 - Terlibat dalam sebarang pembedahan elektif, pembedahan kosmetik atau plastik, selain daripada kondisi yang dilindungi khusus di bawah Komplikasi Medikal disebabkan oleh Faedah Pembedahan Kosmetik Elektif.
9. Faedah HUMK:
- Tiada perlindungan bagi:
- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja, cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman;
 - Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
 - Memasuki, keluar, mengendali, atau memberi khidmat, atau diangkut melalui sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang Dilindungi adalah penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan; atau
 - Sebarang kecacatan kongenital yang telah dipaparkan atau telah didiagnosiskan sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 17 tahun;
 - Kecacatan yang disebabkan oleh keadaan fizikal atau mental yang sedia ada.

APENDIKS

Kadar Caruman Tahunan A-Life Lady-i (untuk RM50,000 amaun perlindungan)

Umur Kemasukan	Wanita Perokok (RM)	Wanita Bukan Perokok (RM)
16	1,167.50	1,081.00
17	1,202.00	1,104.00
18	1,248.00	1,133.00
19	1,294.00	1,167.50
20	1,374.50	1,207.50
21	1,437.50	1,248.00
22	1,506.50	1,294.00
23	1,575.50	1,340.00
24	1,650.50	1,386.00
25	1,680.00	1,400.00
26	1,764.00	1,445.00
27	1,848.00	1,489.50
28	1,949.00	1,545.50
29	2,044.00	1,596.00
30	2,111.00	1,624.00
31	2,240.00	1,708.00
32	2,397.00	1,814.50
33	2,520.00	1,893.00
34	2,649.00	1,977.00
35	2,783.00	2,061.00
36	2,912.00	2,156.00
37	3,046.50	2,257.00
38	3,192.00	2,363.00
39	3,354.50	2,486.50
40	3,556.00	2,632.00
41	3,763.00	2,789.00
42	3,981.50	2,951.00
43	4,217.00	3,125.00
44	4,469.00	3,309.50
45	4,726.50	3,500.00

Nota: Kadar caruman atas adalah berdasarkan kepada kesihatan standard.

UNTUK PERHATIAN ANDA

Nota Penting

1. Risalah ini hanya memberi ringkasan mengenai ciri-ciri utama produk ini. Ia tidak mewakili keseluruhan Sijil Takaful. Sila rujuk Sijil Takaful untuk maklumat lebih terperinci atau terma dan syarat yang menyeluruh. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk buku kecil maklumat insurans mengenai 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di cawangan-cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.
2. Anda layak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).
3. Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
4. *Tabarru'* (sumbangan) untuk rancangan ini adalah tidak dijamin dan AIA PUBLIC Takaful berhak untuk menyemak semula *Tabarru'* (sumbangan) dengan memberi Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
5. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk faedah-faedah yang dijamin di bawah pelan ini.
6. Anda harus memastikan pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar amaun caruman yang perlu dibayar di bawah sijil ini.
7. Jika anda menamatkan sijil ini pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat balik amaun yang kurang dari jumlah yang anda telah bayar. Walau bagaimanapun, jika sijil ini dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, kami akan memulangkan semula amaun caruman yang telah ditolak dengan perbelanjaan perubatan (jika ada) kepada anda.
8. Pelan anda mungkin tidak akan mempunyai sebarang nilai serahan sehinggalah caruman telah dibayar secara penuh dalam tempoh 3 tahun.
9. Pelan ini tidak melindungi kematian disebabkan membunuh diri dalam tahun pertama daripada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Mula, mengikut mana-mana yang terkini. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk butiran lengkap tentang pengecualian.
10. Pembayaran caruman boleh dibuat secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan.
11. Anda harus memastikan bahawa maklumat penting tentang pelan ini telah didedahkan kepada anda dan anda faham akan maklumat yang didedahkan tersebut. Jika terdapat sebarang ketidakpastian, anda harus mendapatkan penjelasan daripada AIA PUBLIC Takaful.
12. Anda diberi Tempoh Ihsan selama 31 hari daripada tarikh cukup tempoh pembayaran untuk setiap caruman berikutnya. Jika caruman tidak dibayar pada akhir Tempoh Ihsan ini, Sijil Takaful akan luput.
13. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk kepada insuranceinfo booklet mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana AIA Customer Centre, atau lawati www.insuranceinfo.com.my.
14. Ianya mungkin tidak mendatangkan manfaat untuk bertukar dari satu pelan Takaful / insuran kepada yang lain, kerana anda mungkin akan dikenakan syarat-syarat pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu penuh dan sebarang tempoh yang dikenakan untuk pengecualian terhadap penyakit / penyakit sedia ada yang spesifik di bawah pelan baharu tersebut.

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)
(This page is intentionally left blank)

A CLOSER LOOK AT THE BENEFITS

A-Life Lady-i[#] is designed to provide you with comprehensive female protection until age 80. Not only does this plan provide you with Takaful benefits, it also comes with a number of first-in-market features specially designed for women.



GIFT OF JOY & BUNDLE OF JOY¹⁰

Get coverage early for your child and be rewarded!

When you participate a new A-Life **Idaman** plan¹, under the **Gift of Joy¹⁰** will give you a cash reward amounting to **1%** of your coverage amount and if you add on A-Plus **Health Flex-i/ A-Plus BabyCare Xtra-i** to your A-Life **Idaman** you will get additional **2%** of your coverage amount!



Double the Joy with **Bundle of Joy¹⁰**, when you participate in A-Life **Idaman** while your pregnancy is under 14 gestation weeks and secure coverage for your baby without going through medical underwriting.



BASIC COVERAGE

Pays you **100%** of the coverage amount or surrender value, whichever is higher, for death or total and permanent disability (TPD).



COMPREHENSIVE FEMALE CANCER PROTECTION

Covers you against female cancers from the early stage onwards:

- Female carcinoma in situ² - Receive a one-off payment valued at **50%** of your coverage amount.



Power Reset

This feature resets your coverage to the full amount, 12 months after you are diagnosed with female carcinoma in situ.

- Female cancer³ - Receive a one-off payment valued at **100%** of your coverage amount or surrender value, whichever is higher.

If you are diagnosed with breast cancer, you will receive **100%** of your coverage amount. You will automatically receive additional **30%** of your coverage amount for breast reconstructive surgery.

To also add a point that you will receive additional **30%** of your coverage amount for removal of breast. In total, you would receive a payout amounting to **160%** of your coverage amount!



